



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63

14hb Oktober 2010

No. 21

No. 1690.

KEMATIAN

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dengan sedihnya memaklumkan bahawa Y.Bhg. Dato' Seri Haji Abdul Malik bin Haji Noordin yang bergelar Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Orang Besar Lapan Negeri Perak Darul Ridzuan telah kembali ke Rahmatullah pada 19 Ogos 2010 jam 8.30 pagi.

[PSUK.Pk.(BKP) 1A 355/951/2/5-1 (13); P.U. Pk. 78/84(PS)]

No. 1691.

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948
(Act 92)

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATES
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79 (2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Amrina bt. Mohd Nor untuk memegang jawatan Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuatkuasa mulai 3 April 2010.

In exercise of the powers conferred by subsection 79 (2) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed Amrina bt. Mohd Nor to be Second Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 3 April 2010.

Bertarikh 8 September 2010
Dated 8 September 2010
[PSUK.PK.(PSM) 1.A.355/487/50/2;
PU.Pk. 47/99 (B) Jld. 3]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

AKTA EKSAIS 1976
(Akta 176)**No. 1692.**NOTIS MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)
DAERAH KINTA BATU GAJAH

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kinta Batu Gajah akan mengadakan mesyuaratnya di Pejabat Daerah Kinta, Batu Gajah pada hari Rabu 23-12-2010 untuk menimbangkan permohonan-permohonan Pembaharuan, Baru, Tukar Nama dan Alamat bagi tempoh 1-1-2011 hingga 31-12-2011.

2. Tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat di atas borang yang tertentu dalam enam (6) salinan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesen Eksais Daerah Kinta, dialamat Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah tidak lewat daripada 30-9-2010.

3. Mana-mana bantahan terhadap permohonan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kinta Batu Gajah selewat-lewatnya empat belas (14) hari dari tarikh pengiklanan.

4. Tarikh mesyuarat yang disiarkan sebelum ini dalam *Warta* No. 19, Jld. 63, dan No. *Gazette* 1573 bertarikh 16 September 2010 adalah dibatalkan.

Bertarikh 29 September 2010
[PDK. 03/4-0002 Jld.6]

DATO' RAZALI BIN OTHMAN
Pengerusi
Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah
Kinta

No. 1693.MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)
DAERAH KUALA KANGSAR

Dengan ini adalah diberitahu Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kuala Kangsar akan mengadakan persidangannya di Bilik Mesyuarat, Aras 1, Pejabat Tanah Kuala Kangsar pada hari 15 November 2010 (Isnin), jam 9.00 pagi bagi menimbangkan permohonan-permohonan seperti berikut:

- (a) Permohonan membaharui Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong bagi tempoh 1-1-2011 hingga 30-6-2011.
- (b) Permohonan menukar nama Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong/Rumah Awam bagi tempoh 1-1-2011 hingga 30-6-2011.

- (c) Permohonan menukar alamat kedai Menjual Minuman Keras Runcit/Borong/Rumah Awam bagi tempoh 1-1-2011 hingga 30-6-2011.
 - (d) Permohonan membaharui Lesen Rumah Awam bagi tempoh 1-1-2011 hingga 30-6-2011.
 - (e) Permohonan Baru Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong bagi tempoh 1-1-2011 hingga 30-6-2011.
 - (f) Permohonan Baru Lesen Rumah Awam bagi tempoh 1-1-2011 hingga 30-6-2011.
2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati dari pejabat ini dalam enam (6) salinan dan kemukakan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kuala Kangsar pada atau sebelum 15 Oktober 2010.
 3. Semua permohonan lesen baru hendaklah menyertakan enam (6) salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah. Pemohon juga dikehendaki mengiklankan permohonannya di dalam 2 jenis surat khabar berbahasa Malaysia dan Inggeris dengan perbelanjaan sendiri serta salinan iklan itu diletakkan (pamer) di hadapan pintu perniagaannya dalam 2 minggu dari tarikh iklannya.
 4. Mana-mana bantahan terhadap permohonan lesen baru hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kuala Kangsar dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengiklanan.

Bertarikh 30 September 2010
[PDKK 01/2-001 Jld.20]

DATO' HAJI MOHD. GAZALI BIN JALAL
Pengerusi
Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah
Kuala Kangsar

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

No. 1694.

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Berhubung pemberitahuan *Warta* No. 605 yang disiarkan pada 1 April 2010 dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* adalah diperbuat tambahan peruntukan seperti berikut:

Objek Sebagai	Objek Lanjut	Butiran	Amaun RM
280000	282990	Penyelenggaraan Kemudahan- Kemudahan Lain	150,000.00
330000	331990	Kemudahan-Kemudahan Yang Lain	100,000.00
340000	341010	Kenderaan Penumpang	372,990.00
340000	341020	Lori dan Kenderaan Pengangkutan	200,000.00
340000	342990	Jentera-Jentera Lain	5,000.00
350000	351010	Alat Kelengkapan Pejabat	150,000.00
450000	454020	Bayaran Balik Pinjaman Negeri	35,200.00
Pembangunan	33199B	Kemudahan Papan Tanda Tunjuk Arah dan Pelancongan	40,000.00
Pembangunan	33199H	Program Pembangunan Masyarakat	150,000.00
Pembangunan	33199I	Projek Pembangunan Teknologi Maklumat	72,500.00

Bertarikh 22 September 2010
[MPM A/7/2 Jld.4]

ZAMRI BIN MAN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Manjung

No. 1695.

MAJLIS DAERAH KAMPAR

Sepertimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) yang dipakai oleh Majlis Daerah Kampar dengan kelulusan pihak berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan menurut Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1630 di dalam perjumpaan bertarikh 18 Ogos 2010 meluluskan Permohonan Peruntukan Tambahan Tahun 2010 seperti berikut:

Tahun	Objek Sebagai	Objek Lanjut	Butiran	Anggaran	Tambahan Peruntukan
2010	34000	341010	Pengangkutan dan Jentera	200,000.00	700,000.00
Jumlah				200,000.00	700,000.00

Bertarikh 8 September 2010
[M.D.Kpr.(KEW) 31/93 JLD 2]

AHMAD KAMARUZZAMAN BIN HAMZAH
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar

No. 1696.

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

Sepertimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) yang dipakai oleh Majlis Daerah Perak Tengah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan menurut Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1630 pada 18 Ogos 2010 dan disahkan pada 25 Ogos 2010 telah bersetuju meluluskan permohonan peruntukan tambahan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak bagi tahun 2010.

PERUNTUKAN TAMBAHAN TAHUN 2010 BAGI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN
MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

Bil.	Butiran	Objek Lanjut	Jumlah Dipohon RM
1.	Kenderaan dan Jentera	342990	200,000.00
	Jumlah		<u>200,000.00</u>

Bertarikh 22 September 2010
[MDPT. C5/83]

BORHAN BIN HAJI ABDUL HALIM
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah

No. 1697.

MAJLIS DAERAH KERIAN

PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI TAHUN 2010

Menurut kehendak seksyen 56 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) yang dipakai oleh Majlis Daerah Kerian dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan menurut Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam perjumpaannya pada 25 Ogos 2010 telah meluluskan peruntukan tambahan tersebut:

Bil.	Butiran	Objek Lanjut	Jumlah Dipohon RM
1.	Gaji Biasa Kakitangan	111010	1,342,023.57
2.	Imbuan Tetap Khidmat Awam	121010	114,000.00
3.	Imbuan Tetap Perumahan	121020	216,000.00
4.	Elaun Tetap Yang Lain	121990	31,900.00
5.	Bantuan Sara Hidup	12199A	119,400.00
6.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	131010	114,156.00
7.	Kumpulan Wang Caruman Pencen	131020	114,558.96
8.	Insurans dan Sumbangan- sumbangan Lain	131990	12,602.85
9.	Elaun Lebih Masa Kakitangan	141010	301,996.80
10.	Bayaran Balik Yuran, Lesen Memandu	151020	870.00
11.	Bayaran Imbuan (Bonus)	151030	118,658.60
12.	Alat Ganti Pelbagai	261990	23,940.00

Bil.	Butiran	Objek Lanjut	Jumlah Dipohon RM
13.	Minyak Petrol	262010	18,769.68
14.	Minyak Diesel	262020	400,890.46
15.	Minyak Pelincir dan Gris	262060	16,372.40
16.	Keluaran Petroleum dan Bahan Pembakar	262990	15,230.00
17.	Tayar dan Tiub	263020	89,850.00
18.	Barang Buatan Campuran Getah	263990	6,500.00
19.	Bahan Pencuci	267040	8,000.00
20.	Bahan-bahan Kimia Yang Lain	267990	3,500.00
21.	Racun Serangga dan Tumbuhan	268020	8,000.00
22.	Bekalan Am Yang Lain	272990	28,000.00
23.	Penyelenggaraan Kemudahan Talian, Pengairan, Kawalan Banjir dan Pembentungan	282090	55,000.00
24.	Penyelenggaraan Kemudahan- kemudahan Yang Lain	282990	50,000.00
25.	Lori dan Kenderaan Pengangkutan	283020	300,000.00
26.	Jentera-jentera Lain	284990	73,500.00
27.	Kemudahan-kemudahan Yang Lain	331990	94,710.00
28.	Kenderaan Yang Tidak Bermotor	341030	13,250.00
29.	Alat-alat Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan Yang Lain	358990	2,944.00
30.	Kakitangan Awam Dalam Negeri	471010	12,649.20
Jumlah Keseluruhan			3,707,272.50

Bertarikh 27 September 2010
[M.D.Kerian Kew/14/06]

HAJI ISMAIL BIN HASSAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

AKTA PERANCANG BANDAR DAN DESA 1976

(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

(Act 172)

No. 1698.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LARUT MATANG 2015

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT OF
LARUT MATANG DISTRICT LOCAL PLAN 2015

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 1103 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 24 Jun 2010, dengan menggantikan perkataan "Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2015" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Laporan Rancangan Tempatan Larut Matang Perak Darul Ridzuan 2015".

With reference to Notification No. 1103 published in the Perak Government *Gazette* on 24 June 2010, by substituting the words "Larut Matang District Local Plan 2015" wherever they appear with the words "Report of Larut Matang Local Plan Perak Darul Ridzuan 2015".

Bertarikh 29 September 2010
Dated 29 September 2010
[JPBD.PK.A10/RTD/1007/B2;
PU.Pk. 44/80(v)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 1699.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS MATANG — KUALA SEPETANG 2020

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE
DRAFT OF SPECIAL AREA PLAN OF MATANG – KUALA SEPETANG 2020

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 1266 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 22 Julai 2010, dengan menggantikan perkataan "Rancangan Kawasan Khas Matang – Kuala Sepetang 2020" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Rancangan Kawasan Khas Matang Kuala Sepetang 2015".

With reference to Notification No. 1266 published in the Perak Government *Gazette* on 22 July 2010, by substituting the words "Special Area Plan Matang – Kuala Sepetang 2020" Wherever they appear with the words "Special Area Plan Matang Kuala Sepetang 2015".

Bertarikh 29 September 2010
Dated 29 September 2010
[JPBD.PK.A10/RKK/1009/B2; PU.Pk. 44/80(v)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)
NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 1700.

PELANTIKAN PEGAWAI PETEMPATAN
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
APPOINTMENT OF SETTLEMENT OFFICER
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan sebagai Pegawai Petempatan di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices of Settlement Officer in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names specified in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Muhammad Zairul Hanafi bin Zaini	17-5-2010
Encik Aizat bin Yasim	17-5-2010
Encik Abd A'zim bin Yusof	17-5-2010
Encik Syahlan bin Mahmud	17-5-2010
Encik Muhamad Sukhri bin Kaja Maidin	17-5-2010
Encik Faizzal bin Alias	16-5-2010
Encik Iezam bin Mohd Zamri	20-5-2010
Encik Abdul Regar bin Manam	17-5-2010

Bertarikh 8 September 2010

Dated 8 September 2010

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A. 355/487/49/1;

PU. Pk. 9/2005]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 1701.

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH
DI DAN BAGI DAERAH-DAERAH
APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATORS
IN AND FOR DISTRICTS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuatkuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersempena dengan nama mereka dalam ruang (3) bagi maksud Kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices specified in column (2) with effect from the dates set out opposite their names specified in column (3) for the purposes of the said Code.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Tuan Syed Ahmad Agil bin Syed Abdul Malik	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan	1.1.2010
Encik Hasnan Azizul bin Mad Isa	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan	1.1.2010
Encik Firazmil bin Badayamin	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan	1.1.2010
Puan Amrina bt. Mohd Nor	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Perak Tengah	3.4.2010
Puan Maizatul Fadzlin bt. Zulkepli	Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Kampar	3.4.2010

Bertarikh 8 September 2010
Dated 8 September 2010
[PSUK.Pk.(PSM) 1.A. 355/487/50/2;
PU. Pk. 51/99 Jld. 4]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 1702.

(Seksyen 13)
PERWAKILAN KUASA(Section 13)
DELEGATION OF POWERS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kuasa kepada Y.A.B. Menteri Besar, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dan Pentadbir Tanah untuk meluluskan atau menolak permohonan seperti yang berikut:

Bil.	Kuasa yang diwakilkan	Orang yang diwakilkan kuasa dan tugas
I.	Melulus/menolak permohonan pelepasan kuota bumiputera bagi skim Perumahan dan Industri (tertakluk kepada tempoh 6 bulan setelah Sijil Siap "Certified Completion Certificate" (CCC) diluluskan).	Y.A.B Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
II.	Meluluskan pindaan perbezaan keluasan tanah yang telah diukur halus di antara 5% – 10% bagi keluasan di bawah 40 hektar tertakluk kepada perbezaan tersebut tidak melebihi 2 hektar.	Y.A.B Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
III.	Melulus/menolak permohonan menukar syarat nyata tanah bangunan mengikut seksyen 124 Kanun Tanah Negara bagi free standing building tertakluk kepada satu hakmilik tanah sahaja (Hakmilik Pejabat Tanah dan Hakmilik Pendaftar) yang telah diluluskan kebenaran merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan/Perancangan.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
IV.	Melulus/menolak permohonan meminda pegawai pengawal dan agensi penyelenggara sesuatu tanah rizab yang diwartakan mengikut CAP 138 atau mana-mana undang-undang tanah yang terdahulu.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

Bil.	Kuasa yang diwakilkan	Orang yang diwakilkan kuasa dan tugas
V.	Melulus/menolak permohonan meminda sekatan kepentingan tanah yang telah usang dan tidak boleh dikuatkuasakan selain daripada sekatan pindahmilik dan gadaian Pihak Berkuasa Negeri dan sekatan hakmilik berangkai Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) yang masih berkuatkuasa bagi Hakmilik Pendaftar.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
VI.	Melulus permohonan perizaban tanah untuk tujuan kawasan lapang dan loji penapisan najis dan lain-lain Simpanan Kerajaan di dalam kawasan RPT atau skim perumahan bagi kawasan yang telah diluluskan pelan susun atur dan pelan PU oleh Pihak Berkuasa Perancang.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
VII.	Melulus permohonan pemberimilikan tanah kerajaan yang telah selesai dibuat pengambilan balik tanah di bawah seksyen 3 Akta Pengambilan Balik Tanah 1960.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
VIII.	Melulus permohonan (penyimpanan) perizaban tanah kerajaan negeri yang telah selesai dibuat pengambilan balik tanah di bawah seksyen 3 Akta Pengambilan Balik Tanah 1960.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
IX.	Melulus/menolak permohonan tanah kerajaan negeri daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) untuk tujuan masjid, surau dan dewan untuk kegunaan awam tertakluk kepada kelulusan pelan susunatur dan pelan pinta ukur oleh Pihak Berkuasa Perancang.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

Bil.	Kuasa yang diwakilkan	Orang yang diwakilkan kuasa dan tugas
X.	Melulus/menolak permohonan meminda sekatan kepentingan tanah yang telah usang dan tidak boleh dikuatkuasakan selain daripada sekatan pindahmilik dan gadaian Pihak Berkuasa Negeri dan sekatan hakmilik berangkai Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) yang masih berkuatkuasa bagi Hakmilik Pejabat Tanah.	Pentadbir Tanah
XI.	Melulus/menolak permohonan Lesen Menduduki Sementara di atas tanah kerajaan negeri bagi tujuan pengeluaran hasil hutan.	Pentadbir Tanah

2. Perwakilan kuasa ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Bertarikh 30 Ogos 2010

[PTG.PK. 4822 Jld 4 (E); PU.Pk.67/71-20 Jld 2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority delegates to the Y.A.B. Menteri Besar, the Director of Lands and Mines, Perak and the Land Administrator to approve or reject application in the following manner:

No.	Powers delegated	Person delegated with powers and duties
I.	To approve/reject application for Housing and Industry Scheme released of Bumiputera Quota (subject to 6 months period after the Certified Completion Certificate (CCC) been approved).	Y.A.B. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

No.	Powers delegated	Person delegated with powers and duties
II.	To approve alteration acreage of land which has been surveyed within 5% – 10% for an acreage below 40 hectare subject to the difference shall not more than 2 hectare.	Y.A.B. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
III.	To approve/reject application for variation of express condition under section 124 National Land Code for free standing building subject to one title only (Land Office Title and Registry Title) which the planning approval has been approved by the Local Authority.	Director of Lands and Mines
IV.	To approve/reject application to alter “pegawai pengawal” and “agensi penyelenggara” of any reserved land which has been gazetted under CAP 138 or any previous law and regulations.	Director of Lands and Mines
V.	To approve/reject application to alter restriction in interest of land which is obsolete and not enforceable except restriction in transfer and charge of State Authority and restriction of cluster title of Group Settlement Area (GSA) which is enforceable under Registry Title.	Director of Lands and Mines
VI.	To approve application for reserved land for open space and sewerage and any other Government Reserved in RPT or housing scheme area where layout plan and PU plan has been approved by the Planning Authority.	Director of Lands and Mines
VII.	To approve alienation of state land after completion of its’ acquisition under section 3 of Land Acquisition Act 1960.	Director of Lands and Mines

No.	Powers delegated	Person delegated with powers and duties
VIII.	To approve application (reserved) reservation of state land after completion of its' acquisition under section 3 of Land Acquisition Act 1960.	Director of Lands and Mines
IX.	To approve/reject application of state land from State Secretary Incorporated (SSI) for mosque, surau and public hall subject to layout and PU plan approved by the Planning Authority.	Director of Lands and Mines
X.	To approve/reject application to alter restriction in interest of land which is obsolete and not enforceable except restriction in transfer and charge of State Authority and restriction of cluster title of Group Settlement Area (GSA) which is enforceable under Land Office Title.	Land Administrator
XI.	To approve/reject application of Temporary Occupation License on state land for extraction of forest product.	Land Administrator

2. This delegation of powers shall take effect on the date of its publication in the *Gazette*.

Dated 30 August 2010

[PTG.PK. 4822 Jld 4 (E); PU.Pk.67/71-20 Jld 2]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak

No. 1703.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—P.A. 101329. No. Lot—369936. Luas—1378 meter persegi.

Bertarikh 2 September 2010

[PTG.Pk. 407/5-5463 (B); Bil.(2)dmlm.PTK(I) 1/1-46;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 31]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—P.A. 101329. Lot No.—369936. Area—1378 square metres.

Dated 2 September 2010

[PTG.Pk. 407/5-5463 (B); Bil.(2)dmlm.PTK(I) 1/1-46;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 31]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 1704.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Tanjong Tualang, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tanah lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh orang atau orang-orang yang dilantik oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Tanjong Tualang. No. Pelan—P.A. 86413. No. Lot—301891. Luas—2,338 meter persegi.

Bertarikh 7 September 2010

[PTG.Pk. 239/5-15 (C); KT. 33/4-6032;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 31]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Tanjong Tualang, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the person or persons appointed by the Batu Gajah District Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Tanjong Tualang. Plan No.—P.A. 86413. Lot No.—301891. Area—2,338 square metres.

Dated 7 September 2010

[PTG.Pk. 239/5-15 (C); KT. 33/4-6032;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 31]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 1705.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Bina Jaya, Mukim Kampar, Daerah Kampar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembentungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.

JADUAL

Daerah—Kampar. Mukim—Kampar. No. Pelan—P.A. 72438. No. Lot—151764. Luas—3,369 meter persegi.

Bertarikh 8 September 2010

[PTG.Pk. 513/5/1-69 Jld 3 (C); PTG&K(B)06-65/2000;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 29]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Bina Jaya, Mukim of Kampar, District of Kampar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Sewerage System and Services and has designated that the Federal Lands Commissioner shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Sewerage Services Department.

SCHEDULE

District—Kampar. Mukim—Kampar. Plan No.—P.A. 72438. Lot No.—151764. Area—3,369 square metres.

Dated 8 September 2010

[PTG.Pk. 513/5/1-69 Jld 3 (C); PTG&K(B)06-65/2000;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 29]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 1706.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Rancangan Perkampungan Tersusun Desa Seri Iskandar, Mukim Bota, Daerah Perak Tengah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sekolah Agama Rakyat Al-Othmaniah dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Perak Tengah. Mukim—Bota. No. Pelan—P.A. 82280. No. Lot—16211. Luas—2,059 meter persegi.

Bertarikh 22 September 2010

[PTG.Pk. 243/2-42 (C); PTSI.01/09-02-01/06;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 31]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Rancangan Perkampungan Tersusun Desa Seri Iskandar, Mukim of Bota, District of Perak Tengah described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Al-Othmaniah Public Religious School and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

SCHEDULE

District—Perak Tengah. Mukim—Bota. Plan No.—P.A. 82280. Lot No.—16211. Area—2,059 square metres.

Dated 22 September 2010

[PTG.Pk. 243/2-42 (C); PTSI.01/09-02-01/06;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 31]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 1707.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Bandar Ipoh, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Simpanan Khas dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

JADUAL

Daerah—Kinta. Bandar—Ipoh. No. Pelan—P.A. 103036. No. Lot—10034N. Luas—930 meter persegi.

Bertarikh 22 September 2010

[PTG.Pk. 402/5-1107 (B); Bil.(1)dlm.PTK(I) No.1/5-23;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 32]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Ipoh Town, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Special Reserve and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Town—Ipoh. Plan No.—P.A. 103036. Lot No.—10034N. Area—930 square metres.

Dated 22 September 2010

[PTG.Pk. 402/5-1107 (B); Bil.(1)dlm.PTK(I) No.1/5-23;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 32]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 1708.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Bandar Ipoh, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Tanah Lapang/Kolam Tadahan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

JADUAL

Daerah—Kinta. Bandar—Ipoh. No. Pelan—P.A. 103036. No. Lot—10033N. Luas—3869 meter persegi.

Bertarikh 22 September 2010

[PTG.Pk. 402/5-1107 (B); Bil.(1)dmlm.PTK(I) No.1/5-23;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 32]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Ipoh Town, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an Open Space/Reservoir Area and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Town—Ipoh. Plan No.—P.A. 103036. Lot No.—10033N. Area—3869 square metres.

Dated 22 September 2010

[PTG.Pk. 402/5-1107 (B); Bil.(1)dmlm.PTK(I) No.1/5-23;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 32]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 1709.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Bota, Daerah Perak Tengah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tanah lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Perak Tengah.

JADUAL

Daerah—Perak Tengah. Mukim—Bota. No. Pelan—P.A. 107535. Lot No.—3270. Luas—6,775 meter persegi.

Bertarikh 22 September 2010

[PTG.Pk. 243/2-40(C); PTSI.01/09-02-35/05;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 29]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Bota, District of Perak Tengah described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak Tengah District Council.

SCHEDULE

District—Perak Tengah. Mukim—Bota. Plan No.—P.A. 107535. No. Lot—3270. Area—6,775 square metres.

Dated 22 September 2010

[PTG.Pk. 243/2-40(C); PTSI.01/09-02-35/05;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 29]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 1710.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 376 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* bertarikh 4 Februari 1916, Residen Negeri Perak pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Bandar Ipoh, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur No. 14,829 yang disimpan di Pejabat Timbalan Penguasa Hasil Ukur, Kinta bagi maksud rizab Pasar yang diselenggarakan oleh Pengerusi, Lembaga Kesihatan Kinta dan penggantinya.

Dan bahawasanya adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56, tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan seluruh perizaban tanah tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Perak, dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh pada 28 Oktober 2010 jam 9.30 pagi.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—14,829. No. Lot—14829.
Luas—2,428.114 meter persegi.

Bertarikh 1 Oktober 2010
[PTG.Pk. 533/5-58(C); PT(I) No. 3/237/94;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 32]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Whereas by Notification No. 376 published in the Federated Malay States Government *Gazette* dated 4 February 1916, the Resident of Perak in exercise of the powers vested in him by section 9 of the Land Enactment 1911, proclaimed the parcel of land situated in the Town of Ipoh described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 14,829 deposited in the Office of the Deputy Superintendent of Revenue Surveys, Kinta for the purpose of a Market to be maintained by the Chairman, Sanitary Board, Kinta and his successor in office.

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule.

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code 1965 [Act 56 of 1965], the State Authority gives notices under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Ipoh on 28 October 2010 at 9.30 am.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—14,829. Lot No.—14829. Area—2,428.114 square metres.

Dated 1 October 2010
[PTG.Pk. 533/5-58(C); PT(I) No. 3/237/94;
PU.PK. 67/71-54 Jld. 32]

